

GARIS PANDUAN HAKAM MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

SUSUNAN GARIS PANDUAN

Bahagian I PERMULAAN

1. Tajuk Ringkas
2. Tafsiran

Bahagian II PELANTIKAN HAKAM

3. Kuasa Mahkamah
4. Pelantikan Hakam
5. Tatacara pelantikan Hakam
6. Pelantikan anggota Panel Hakam
7. Penamatan pelantikan anggota Panel Hakam
8. Kelayakan seorang Hakam

Bahagian III FUNGSI DAN ETIKA HAKAM

9. Fungsi Hakam
10. Tanggungjawab Hakam
11. Etika Hakam

Bahagian IV

TATACARA MAJLIS TAHKIM

12. Tempat Majlis Tahkim
13. Tatacara Majlis Tahkim
14. Penentuan jenis perceraian oleh Hakam
15. Keengganan suami atau isteri hadir dalam prosiding
16. Laporan Majlis Tahkim
17. *Sighah* talak dan khul'
18. Tempoh pelaksanaan Majlis Tahkim
19. Pemberhentian prosiding Majlis Tahkim
20. Keputusan Majlis Tahkim
21. Merekod lafaz talaq dan mendaftar perceraian
22. Kehadiran Peguam Syarie dan pihak lain

Bahagian V

AM

23. Perlindungan Hakam
24. Sekatan
25. Rujukan Kepada Hukum Syarak

Jadual Pertama

Jadual Kedua

GARIS PANDUAN HAKAM MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

Bahagian I

PERMULAAN

Tajuk Ringkas

1. Garis panduan ini bolehlah dinamakan **Garis Panduan Hakam Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang**.

Tafsiran

2. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“*darar syarie*” mempunyai maksud yang sama seperti mana yang termaktub dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam;

“Enakmen Pentadbiran” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*];

“Enakmen” ertinya Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 3*];

“Hakam” ertinya seseorang penimbang tara yang diberi kuasa oleh pihak-pihak atau oleh Mahkamah untuk menyelesaikan *shiqaq* antara suami dan isteri;

“Hukum Syarak” mempunyai maksud yang sama seperti mana yang termaktub dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam;

“*iwadh*” ertinya apa-apa bayaran atau nilai yang digunakan sebagai tebus talaq oleh isteri kepada suami bagi perceraian secara khul’;

“Ketua Pendaftar” ertinya Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju’ Orang Islam yang dilantik di bawah seksyen 28 Enakmen;

“*Khul*” ertinya perceraian di antara suami isteri dengan tebus talaq;

“Mahkamah Syariah” atau “Mahkamah” ertinya mempunyai maksud yang sama seperti mana yang termaktub dalam Enakmen;

“Majlis” ertinya mempunyai maksud yang sama seperti mana yang termaktub dalam Enakmen;

“Majlis *Tahkim*” ertinya suatu sesi timbang tara antara suami dan isteri bersama dengan *Hakam* atau di antara *Hakam* bagi tujuan perdamaian atau perceraian dengan *talaq* atau *khul'*;

“Panel *Hakam*” ertinya *Hakam* yang dilantik di bawah garis panduan 6 oleh Majlis atas cadangan Jawatankuasa;

“Peguam Syarie” ertinya seseorang yang diterima sebagai Peguam Syarie di bawah seksyen 80 Enakmen Pentadbiran;

“prinsipal” ertinya suami atau isteri yang melantik *Hakam* masing-masing di bawah Kaedah-Kaedah ini; dan

“*shiqaq*” ertinya perkelahian antara suami dan isteri yang berlarutan yang menjejaskan hubungan suami isteri di bawah garis panduan 3(4).

Bahagian II

PELANTIKAN *HAKAM*

Kuasa Mahkamah

3. (1) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat *shiqaq* antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan, Mahkamah hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin, mengarahkan suami dan isteri untuk melantik *Hakam* di kalangan saudara karib masing-masing.

(2) Jika suami atau isteri atau kedua-duanya gagal melantik *Hakam*, Mahkamah hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin melantik seorang *Hakam* daripada anggota Panel *Hakam* atau mana-mana orang di bawah garis panduan 4(1)(c) untuk bertindak sebagai *Hakam* bagi pihak suami atau isteri masing-masing.

(3) Sebelum melantik *Hakam*, Mahkamah hendaklah memutuskan *shiqaq* antara suami dan isteri setelah Mahkamah menjalankan siasatan yang sewajarnya.

(4) Mahkamah hendaklah memutuskan bahawa *shiqaq* sentiasa berlaku dalam keadaan-keadaan tertentu termasuklah:

(a) perkelahian yang kerap antara suami dan isteri itu sama ada oleh sebab:

(i) *nusyuz* isteri;

(ii) kezaliman suami;

- (iii) ketidaktentuan siapa yang benar antara kedua-duanya; atau
 - (iv) salah satu pihak atau kedua-dua pihak berdusta atau menuntut apa-apa yang bukan hak.
- (b) perkelahian yang kerap antara suami dan isteri yang membawa kepada kesukaran untuk menjalankan tanggungjawab sebagai suami dan isteri dan saling tuduh-menuduh tidak melaksanakan tanggungjawab sebagai suami dan isteri;
 - (c) suami atau isteri saling tuduh-menuduh antara keduanya mempunyai hubungan yang bercanggah menurut Hukum Syarak dengan perempuan atau lelaki lain;
 - (d) perkelahian yang kerap hingga menyebabkan pukul-memukul;
 - (e) salah satu pihak meninggalkan rumah kediaman, tidak tinggal bersama sedangkan punca sebenar tidak dapat dibuktikan oleh kedua-dua pihak di hadapan Mahkamah;
 - (f) suami atau isteri saling tuduh-menuduh antara keduanya mengenai tanggungjawab masing-masing terhadap anak-anak sehingga berlaku pertikaian dan perkelahian yang kerap;
 - (g) jika didapati bahawa sebarang tuntutan oleh suami atau isteri untuk mendapatkan pembubaran perkahwinan tidak sabit dan ditolak oleh Mahkamah atas alasan dia tidak dapat membuktikan kebenarannya dan Mahkamah mendapati pertikaian itu masih lagi berterusan atau berulang antara suami isteri tersebut; atau
 - (h) apa-apa tindakan yang menyebabkan *darar syarie* ke atas.

Pelantikan Hakam

- 4. (1) Hakam boleh dilantik dari kalangan—
 - (a) saudara karib suami dan isteri yang memenuhi kelayakan di bawah garis panduan 8(1) dan (2);
 - (b) anggota Panel Hakam yang dilantik di bawah garis panduan 6(1); atau
 - (c) Pegawai Syariah atau Pegawai Hal Ehwal Islam atau Pegawai Majlis atau Pegawai Masjid atau Ahli Jawatankuasa Masjid yang

mempunyai kemahiran dalam hal ehwal kekeluargaan Islam dan Hukum Syarak.

(2) Bagi maksud garis panduan 4(1)(a), saudara karib ertinya mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan pihak-pihak sama ada secara pertalian nasab, perkahwinan atau susuan yang mempunyai pengetahuan bagi hal keadaan kes itu.

Tatacara bagi pelantikan Hakam

5. (1) Bagi maksud garis panduan 3(1), Mahkamah hendaklah mengarahkan suami dan isteri untuk melantik seorang Hakam di kalangan saudara karib suami dan isteri seperti yang dinyatakan dalam garis panduan 4(1)(a) untuk bertindak bagi pihak masing-masing dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah *shiqaq* diputuskan oleh Mahkamah.

(2) Permohonan di bawah garis panduan 5(1) hendaklah dibuat dalam Borang 1 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(3) Selepas pelantikan Hakam oleh suami dan isteri, Mahkamah hendaklah merekodkan dan mengisytiharkan pelantikan itu melalui suatu perintah.

(4) Bagi maksud garis panduan 3(2), Mahkamah hendaklah melantik seorang Hakam seperti yang disebut dalam garis panduan 4(1)(b) dan 4(1)(c) dengan menggunakan Borang 2 atau Borang 3 dalam Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pelantikan anggota Panel Hakam

6. (1) Tertakluk kepada kelayakan di bawah garis panduan 8(3), Majlis boleh, atas cadangan Jawatankuasa, melantik mana-mana orang sebagai anggota Panel Hakam.

(2) Mana-mana orang yang dilantik sebagai anggota Panel Hakam hendaklah didaftarkan dalam Daftar Panel Hakam.

(3) Panel Hakam yang dilantik di bawah subkaedah 6(1) hendaklah memegang jawatan selama tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

Penamatan pelantikan anggota Panel Hakam

7. Pelantikan seseorang anggota Panel Hakam hendaklah tamat dan dikeluarkan daripada Daftar Panel Hakam apabila dia—

(a) meninggal dunia;

- (b) meletakkan jawatan menerusi surat yang dialamatkan kepada Yang DiPertua Majlis, melalui Pengerusi;
- (c) hilang upaya untuk melaksanakan tugasnya sebagai seorang Hakam; atau
- (d) jika disabitkan kesalahan jenayah di mana-mana Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil.

Kelayakan Hakam

8. (1) Tertakluk kepada garis panduan 8(2), mana-mana saudara karib suami dan isteri layak untuk dilantik sebagai Hakam jika dia—

- (a) beragama Islam;
- (b) lelaki;
- (c) berakal dan *baligh (mukallaf)*;
- (d) adil dan amanah; dan
- (e) berpengetahuan asas dalam hal ehwal kekeluargaan dan Hukum Syarak.

(2) Mana-mana Peguam Syarie yang mewakili suami atau isteri dalam mana-mana prosiding lain di Mahkamah tidak boleh dilantik sebagai Hakam bagi suami atau isteri itu kecuali diperintahkan selainnya oleh Mahkamah.

(3) Mana-mana orang yang dilantik dan didaftarkan sebagai anggota Panel Hakam hendaklah—

- (a) beragama Islam;
- (b) warganegara Malaysia;
- (c) lelaki;
- (d) berakal dan *baligh (mukallaf)*;
- (e) adil dan amanah;
- (f) berkelakuan baik dan tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah sama ada di Malaysia atau di mana-mana tempat lain;
- (g) kompeten dalam hal-hal kekeluargaan dan Hukum Syarak;

- (h) tidak pernah dibatalkan pelantikannya di bawah kaedah 30;
- (i) bukan seorang yang bankrap di bawah Akta Insolvensi 1967 [Akta 360];
- (j) memiliki kelulusan akademik sekurang-kurangnya di peringkat Sijil *Thanawi* atau yang setaraf dengannya atau yang lebih tinggi daripada mana-mana institusi pendidikan atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dalam bidang pengajian Islam; dan
- (k) lulus dalam apa-apa proses penilaian yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

Bahagian III

FUNGSI DAN ETIKA HAKAM

Fungsi Hakam

9. Hakam hendaklah berusaha menamatkan *shiqaq* antara suami dan isteri dengan cara penyelesaian terbaik-baik atau memisahkan kedua-dua pihak dengan *talaq* atau *khul'*.

Tanggungjawab Hakam

10. Semasa menjalankan Majlis *Tahkim*, Hakam hendaklah—

- (a) menerima dan melaksanakan arahan Mahkamah dari semasa ke semasa; dan
- (b) menjelaskan peraturan umum yang perlu dipatuhi oleh semua pihak sepanjang Majlis *Tahkim*.

Etika Hakam

11. (1) Hakam hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan Majlis *Tahkim* dan tidak melengah-lengahkan tanpa alasan yang munasabah serta mematuhi tatacara dan tempoh perjalanan Majlis *Tahkim*.

(2) Hakam hendaklah dalam menjalankan tugasnya, melaksanakan keadilan sebagaimana yang dikehendaki oleh Hukum Syarak.

- (3) Hakam yang mengendalikan Majlis *Tahkim* hendaklah—
- (a) tidak mengendalikan Majlis *Tahkim* apabila dia berada dalam keadaan tidak tenang, marah, lapar, haus, mengantuk, letih atau tidak sihat;
 - (b) tidak boleh meninggalkan Majlis *Tahkim* tanpa alasan yang munasabah;
 - (c) bertindak tegas, adil dan tidak dipengaruhi oleh keadaan atau orang yang hadir di hadapannya;
 - (d) bersifat terbuka, mesra dan sabar semasa mengendalikan Majlis *Tahkim*;
 - (e) menggalakkan pihak-pihak menyelesaikan pertelingkahan mereka dan mencapai persetujuan secara sukarela; dan
 - (f) memberi layanan yang sama rata kepada pihak-pihak.
- (4) Hakam hendaklah—
- (a) tidak bersifat berat sebelah;
 - (b) sentiasa berkecuali;
 - (c) merahsiakan segala perkara yang didedahkan dalam Majlis *Tahkim* kecuali apabila diarahkan oleh Mahkamah yang membicarakan kes tersebut;
 - (d) mengelakkan berlaku konflik kepentingan;
 - (e) memastikan bahawa dia mempunyai kemahiran atau kepakaran dalam perkara yang menjadi pertikaian; dan
 - (f) menolak permohonan menjadi saksi atau penasihat kepada pihak-pihak dalam Majlis *Tahkim* yang pernah dikendalikannya.
- (5) Hakam tidak boleh—
- (a) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa dia telah—
 - (i) membiarkan kepentingan persendirianya bercanggah dengan tugasnya sebagai *Hakam*; atau
 - (ii) menggunakan kedudukannya bagi faedahnya sendiri;

- (b) berkelakuan dengan cara yang tidak jujur atau dengan sedemikian cara hingga memburukkan atau mencemarkan nama Mahkamah dan menjejaskan Majlis *Tahkim* yang dikendalikannya;
- (c) membelakangkan tugas dan tanggungjawab demi kepentingan dirinya; dan
- (d) melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menimbulkan syak tentang keupayaannya untuk berlaku adil dalam menjalankan tugas.

Bahagian IV

TATACARA MAJLIS *TAHKIM*

Tempat Majlis *Tahkim*

12. Majlis *Tahkim* hendaklah dilaksanakan di Mahkamah atau mana-mana tempat yang ditentukan oleh Mahkamah.

Tatacara Majlis *Tahkim*

13. (1) Prosiding Majlis *Tahkim* hendaklah bermula selepas pelantikan *Hakam*.
- (2) Sebelum sesuatu prosiding Majlis *Tahkim* bermula—
- (a) Mahkamah boleh memberi arahan mengenai tatacara perjalanan Majlis *Tahkim* kepada *Hakam* dan *Hakam* hendaklah mematuhi arahan itu dan Hukum Syarak; dan
 - (b) tertakluk kepada garis panduan 13(3), *Hakam* hendaklah berusaha untuk mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal mereka masing-masing dengan menggunakan Borang 4 atau Borang 5 Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang sesuai.
- (3) Kuasa penuh daripada prinsipal kepada *Hakam* masing-masing adalah seperti yang berikut—
- (a) bagi suami, dia boleh membenarkan Hakamnya untuk melafazkan satu talaq atau khul' di hadapan Mahkamah; dan
 - (b) bagi isteri, dia boleh membenarkan Hakamnya menerima lafaz khul' di hadapan Mahkamah.

- (4) Jika—
- (a) *Hakam* berpendapat bahawa pihak-pihak itu patut bercerai tetapi tidak dapat memerintahkan perceraian oleh sebab *Hakam* tidak mendapat kuasa penuh daripada prinsipal atau sesuatu sebab yang lain;
 - (b) *Hakam* tidak mencapai persetujuan dalam mana-mana peringkat Majlis *Tahkim*;
 - (c) Mahkamah tidak berpuas hati dengan cara mereka menjalankan Majlis *Tahkim*; atau
 - (d) mana-mana *Hakam* menarik diri atau enggan meneruskan tugasnya sebagai *Hakam*,

Mahkamah boleh memecat dan membatalkan pelantikan mereka dengan menggunakan Borang 6 Jadual Pertama dan melantik *Hakam* lain dari kalangan anggota Panel *Hakam* atau mana-mana orang yang disebut dalam garis panduan 4(1)(c) dan hendaklah memberikan kuasa penuh sebagaimana yang diperuntukkan di bawah garis panduan 13(3) kepada mereka dengan menggunakan Borang 2 atau Borang 3 Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang sesuai.

Penentuan jenis perceraian oleh *Hakam*

14. (1) Dalam melaksanakan Majlis Tahkim di bawah garis panduan ini, jika kedua-dua *Hakam* berpuas hati bahawa kedua-dua pihak gagal mencapai penyelesaian terbaik-baik, pihak-pihak hendaklah menentukan pihak yang menjadi punca bagi *shiqaq*.

- (2) Jika *shiqaq* itu—
- (a) disebabkan oleh suami atau oleh kedua-dua suami dan isteri, *Hakam* hendaklah mencadangkan perceraian secara *talaq*;
 - (b) disebabkan oleh isteri, *Hakam* hendaklah mencadangkan perceraian secara *khul'* dan kadar *`iwadh* hendaklah diputuskan oleh *Hakam*;
 - (c) tidak dapat ditentukan sebabnya dan tuntutan bagi perceraian dibuat oleh suami, *Hakam* hendaklah mencadangkan perceraian secara *talaq*; atau
 - (d) tidak dapat ditentukan sebabnya dan tuntutan bagi perceraian dibuat oleh isteri, *Hakam* hendaklah mencadangkan perceraian secara *khul'* dan kadar *`iwadh* hendaklah diputuskan oleh *Hakam*.

Keengganan suami atau isteri untuk hadir prosiding Majlis Tahkim

15. Jika suami atau isteri atau kedua-dua pihak enggan hadir mana-mana prosiding Majlis Tahkim, ketidakhadiran tersebut tidak boleh menamatkan prosiding itu dan Hakam boleh membuat keputusannya.

Laporan Majlis Tahkim

16. *Hakam* hendaklah menyediakan laporan dengan menggunakan Borang 7 dalam Jadual Pertama pada akhir prosiding Majlis *Tahkim* dan laporan itu hendaklah dikemukakan di hadapan Mahkamah.

Sighah talaq dan khul'

17. (1) Jika kedua-dua Hakam dalam Majlis Tahkim memutuskan supaya perkahwinan itu dibubarkan, *talaq* hendaklah dilafazkan oleh Hakam suami di hadapan dan dengan kebenaran Mahkamah seperti dalam Jadual Kedua.

(2) Jika kedua-dua Hakam dalam Majlis Tahkim memutuskan supaya perkahwinan itu dibubarkan secara *khul'* dan *'iwadh* telah diberikan oleh isteri dalam Majlis Tahkim, *khul'* hendaklah dilafazkan di hadapan dan dengan kebenaran Mahkamah.

(3) Lafaz *ijab* dan *qabul* bagi *khul'* adalah sebagaimana dalam Jadual Kedua.

(4) Lafaz *talaq* oleh *Hakam* ialah *talaq ba-in sughra*.

Tempoh pelaksanaan Majlis Tahkim

18. (1) Tempoh bagi pelaksanaan Majlis Tahkim hendaklah tidak melebihi tiga puluh hari dari tarikh perintah pelantikan dan perisytiharan Hakam yang diperintahkan oleh Mahkamah.

(2) Mahkamah boleh melanjutkan tempoh Majlis Tahkim jika difikirkannya patut, tetapi pelanjutan tersebut hendaklah tidak melebihi tempoh enam puluh hari dari tarikh pelanjutan diperintahkan.

Pemberhentian prosiding Majlis Tahkim

19. Mana-mana prosiding Majlis *Tahkim* hendaklah terhenti, jika—

(a) suami atau isteri telah meninggal dunia;

(b) suami atau isteri tidak sempurna akal;

- (c) Hakam menarik diri sebagai Hakam dengan menggunakan Borang 8 Jadual Pertama; dan
- (d) wujud sebab lain yang diiktiraf oleh Hukum Syarak.

Keputusan dalam Majlis Tahkim

20. Perceraian yang diputuskan dalam Majlis *Tahkim* adalah muktamad dan rayuan tidak dibenarkan.

Merekod lafaz *talaq* dan pendaftaran perceraian

21. Mahkamah setelah membenarkan satu talak dilafazkan di hadapannya hendaklah merekodkan lafaz satu talak itu, dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

Kehadiran Peguam Syarie dan pihak lain

22. (1) tiada pihak lain atau Peguam Syarie boleh dibenarkan hadir atau mewakili mana-mana pihak di hadapan *Hakam*.

(2) walau apapun garis panduan 22(1) pihak lain atau Peguam Syarie boleh hadir jika:–

- a) beliau adalah saudara karib; dan
- b) beliau dilantik sebagai hakam dalam prosiding itu.

BAHAGIAN V

AM

Perlindungan *Hakam*

23. Tiada seoranganpun hakam yang dilantik oleh mahkamah boleh didakwa di mana-mana Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil bagi sesuatu perbuatan yang dilakukan atau diperintahkan olehnya supaya dilakukan dalam menjalankan tugasnya sebagai hakam, samada dalam had bidanguasanya atau tidak dan tiada apa-apa perintah bagi kos boleh dibuat terhadapnya, dengan syarat bahawa dia pada masa itu dengan suci hati percaya bahawa dia mempunyai bidanguasa untuk melakukan perbuatan itu.

Sekatan

24. Mana-mana Peguam Syarie yang telah bertindak sebagai Hakam bagi pihak suami atau isteri dalam Majlis Tahkim, tidak boleh mewakili pihak suami atau isteri itu dalam kes lain yang berhubungan dengannya di mana-mana Mahkamah.

Rujukan kepada Hukum Syarak

25. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran mana-mana peruntukan di bawah garis panduan ini yang berlawanan dengan Hukum Syarak adalah terbatal setakat yang berlawanan.

(2) Jika terdapat *lakuna* atau jika apa-apa perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan Majlis Tahkim dan Hakam tidak diperuntukkan dengan nyata dalam garis panduan ini, Mahkamah hendaklah memakai Hukum Syarak.

JADUAL PERTAMA
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

Garis Panduan Hakam Mahkamah Syariah
(Negeri Pulau Pinang)

BORANG 1

(Garis Panduan 5(1))

WAKALAH DAN PENERIMAAN *HAKAM*

(*Tajuk Am*)

Saya

.....
..... (Nama suami/isteri), No. Kad Pengenalan..... dengan ini
mewakulkan (Nama *Hakam*), No. Kad
Pengenalan..... sebagai *Hakam* untuk bertindak bagi pihak saya
dalam Saman No. di Mahkamah
mulai dari tarikh hingga dibatalkan oleh saya atau Mahkamah.

Bertarikh pada hari bulan 20

.....
Suami/isteri

Sayadengan ini menerima pelantikan yang tersebut.

Bertarikh pada hari bulan 20

.....
Hakam

Di hadapan saya,

(Meterai)

.....
Hakim

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

Garis Panduan Hakam Mahkamah Syariah
(Negeri Pulau Pinang)

BORANG 2

(Garis Panduan 5(4))

PELANTIKAN HAKAM SUAMI OLEH HAKIM

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa, Mahkamah dengan ini melantik (Nama *Hakam*), No. Kad Pengenalan..... sebagai *Hakam* bagi pihak suami (Nama suami), No. Kad Pengenalan..... dalam Saman No.di Mahkamah mulai dari tarikh hingga dibatalkan oleh Mahkamah kemudian dengan kuasa penuh untuk mendamaikan dan melafazkan *talaq satu/khul'* di hadapan Mahkamah .

Bertarikh pada hari bulan 20

(Meterai)

.....
Hakim

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

Garis Panduan Hakam Mahkamah Syariah
(Negeri Pulau Pinang)

BORANG 3

(Garis Panduan 5(4))

PELANTIKAN *HAKAM* ISTERI OLEH HAKIM

(*Tajuk Am*)

Ambil perhatian bahawa, Mahkamah dengan ini melantik (Nama Hakam), No. Kad Pengenalan sebagai *Hakam* bagi pihak isteri (Nama isteri), No. Kad Pengenalan dalam Saman No.di Mahkamah mulai dari tarikh hingga dibatalkan oleh Mahkamah kemudian dengan kuasa penuh untuk mendamaikan dan menerima lafaz *khul'* di hadapan Mahkamah.

Bertarikh pada hari bulan 20

(Meterai)

.....
Hakim

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

Garis Panduan Hakam Mahkamah Syariah
(Negeri Pulau Pinang)

BORANG 4

(Garis Panduan 13(1)(b))

NOTIS PEWAKILAN KUASA PENUH OLEH SUAMI

(*Tajuk Am*)

Saya

.....
..... (Nama suami), No. Kad Pengenalan..... dengan ini
mewakikan dengan kuasa penuh kepada (Nama Hakam), No. Kad
Pengenalan sebagai *Hakam* untuk bertindak bagi pihak saya
dalam Saman No. untuk melafazkan *talaq* satu atau *khul'* terhadap
isteri saya (Nama isteri), No. Kad Pengenalan.....
di hadapan Mahkamah mulai dari tarikh hingga
dibatalkan oleh saya atau Mahkamah.

Bertarikh pada hari bulan 20

.....
Suami

Saya dengan ini menerima perwakilan
yang tersebut.

Bertarikh pada hari bulan 20

.....
Hakam

Di hadapan saya,

(Meterai)

.....
Hakim

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

Garis Panduan Hakam Mahkamah Syariah
(Negeri Pulau Pinang)

BORANG 5

(Garis Panduan 13(1)(b))

NOTIS PEWAKILAN KUASA PENUH OLEH ISTERI

(*Tajuk Am*)

Saya(Nama isteri), No. Kad Pengenalan..... dengan ini mewakili dengan kuasa penuh kepada (Nama Hakam), No. Kad Pengenalan..... sebagai *Hakam* untuk bertindak bagi pihak saya dalam Saman No. untuk menerima lafaz *khul'* daripada suami saya (Nama suami), No. Kad Pengenalan di hadapan Mahkamah mulai dari tarikh hingga dibatalkan oleh saya atau Mahkamah.

Bertarikh pada hari bulan 20

.....
Isteri

Saya dengan ini menerima perwakilan yang tersebut.

Bertarikh pada hari bulan 20

.....
Hakam

Di hadapan saya,

(Meterai)

.....
Hakim

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

Garis Panduan Hakam Mahkamah Syariah
(Negeri Pulau Pinang)

BORANG 6

(Garis Panduan 13(4))

NOTIS PEMECATAN *HAKAM*

(Tajuk Am)

Ambil perhatian bahawa, Mahkamah dengan ini memecat dan membatalkan pelantikan *Hakam* seperti yang berikut:

(1) *Hakam* bagi suami
(Nama, No. Kad Pengenalan)

(2) *Hakam* bagi isteri
(Nama, No. Kad Pengenalan)

Bertarikh pada haribulan 20

(Meterai)

.....
Hakim

.....
.....
.....
.....
.....

CADANGAN

.....
.....
.....
.....

KEPUTUSAN

.....
.....
.....
.....
.....

(1)

.....
Hakam bagi suami
(Nama, No. Kad Pengenalan)

(2)

.....
Hakam bagi isteri
(Nama, No. Kad Pengenalan)

Bertarikh pada hari bulan 20

(Meterai)

.....
Hakim

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

Garis Panduan Hakam Mahkamah Syariah
(Negeri Pulau Pinang)

BORANG 8

(Perenggan 13(4)(d))

NOTIS PENARIKAN DIRI *HAKAM*

(*Tajuk Am*)

Kepada Hakim,

Ambil perhatian bahawa, saya (Nama *Hakam*), No. Kad Pengenalan..... dengan ini menarik diri dan terhenti menjadi *Hakam* yang mewakili bagi pihak *suami/isteri (Nama suami atau isteri), No. Kad Pengenalan..... yang tersebut dalam prosiding yang tersebut di atas, berkuat kuasa pada tarikh notis ini.

Bertarikh pada hari bulan 20

.....
Hakam

Di hadapan saya,

(Meterai)

.....
Hakim

* Potong jika tidak berkenaan

JADUAL KEDUA

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI PULAU PINANG) 2004

Garis Panduan Hakam Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang)

(Garis Panduan 17)

SIGHAH *TALAQ* DAN *KHUL'*

- (1) *Sighah talaq* bagi Hakam yang mempunyai kuasa penuh daripada prinsipal ialah seperti yang berikut:

Lafaz oleh *Hakam* suami:

“Saya dengan kuasa yang diberikan oleh (Nama suami), menceraikan (Nama isteri) dengan *talaq* satu.”.

- (2) *Sighah talaq* bagi *Hakam* yang mempunyai kuasa penuh daripada Mahkamah ialah seperti yang berikut:

Lafaz *Hakam* suami:

“Saya dengan kuasa penuh yang diberikan oleh Mahkamah, bagi pihak suami (Nama suami), menceraikan (Nama isteri) dengan *talaq* satu.”.

- (3) *Sighah khul'* bagi *Hakam* yang mempunyai kuasa penuh daripada prinsipal ialah seperti yang berikut:

(a) Lafaz Ijab oleh *Hakam* suami:

“Saya dengan kuasa yang diberikan oleh (Nama suami), menceraikan (Nama isteri) dengan *khul'* dengan amaun wang Ringgit Malaysia (jumlah) atau (harta lain atau manfaat yang bernilai).”.

- (b) Lafaz tersebut hendaklah diqabul dengan serta-merta oleh *Hakam* isteri seperti yang berikut:

“Saya terima *khul'* bagi pihak (Nama isteri) atas persetujuannya dengan amaun wang Ringgit Malaysia (jumlah) atau (harta lain atau manfaat yang bernilai) yang tersebut.”.

- (4) *Sighah khul'* bagi *Hakam* yang mempunyai kuasa penuh daripada Mahkamah ialah seperti yang berikut:

- (a) Lafaz oleh *Hakam* suami:

“Saya dengan kuasa penuh yang diberikan oleh Mahkamah, bagi pihak (Nama suami) menceraikan (Nama isteri) dengan *khul'* dengan amaun wang Ringgit Malaysia..... (jumlah) atau (harta lain atau manfaat yang bernilai)”

- (b) Lafaz oleh *Hakam* bagi pihak isteri:

“Saya sebagai *Hakam* bagi pihak (Nama isteri), menerima *khul'* dengan amaun wang Ringgit Malaysia (jumlah) atau..... (harta lain atau manfaat yang bernilai) yang tersebut.”.